

05/12/1997

JKR tidak campur tangan

TELUK INTAN, Khamis - Kementerian Kerja Raya tidak mempunyai bidang kuasa untuk campur tangan dalam isu kos membaik pulih kediaman Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar membabitkan perbelanjaan RM5 juta.

Menterinya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata pihaknya tidak boleh berbuat demikian kerana arahan mengenai projek dibuat oleh kerajaan negeri kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri terbabit, bukannya oleh Ibu Pejabat JKR.

Menurutnya, kementerian tidak boleh memberi sebarang komen berhubung projek yang menelan belanja hingga RM5 juta itu kerana tidak mengetahui kandungan projek berkenaan.

"JKR negeri menjalankan tugas mengikut arahan Setiausaha Kerajaan Negeri serta kerajaan negeri dan bukannya Ibu Pejabat JKR. Oleh itu, kami tidak mempunyai apa-apa kuasa atau hak untuk memberi komen mengenai kandungan projek kerana saya tidak tahu mengenainya.

"Jika mengetahui kandungan itu, barulah boleh membuat komen sama ada perbelanjaan RM5 juta itu munasabah atau tidak," katanya selepas menghadiri upacara keagamaan di sini, hari ini.

Isu kos pengubahsuaian kediaman Menteri Besar di Shah Alam itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Selangor oleh Exco Kanan Kerajaan Negeri, Datuk Zainal Dahalan.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, kerajaan akan mengkaji punca utama yang menyebabkan kos sebanyak itu.

(END)